

**Zam : ada pakatan ambil alih negara**  
**Malaysiakini.com**  
**Mar 11, 2008**

Bekas menteri penerangan Datuk Seri Zainuddin Maidin mendakwa wujud segolongan muda yang cuba mengambil alih pucuk kepimpinan negara secara terurus dan terancang menerusi pilihanraya umum lepas untuk perubahan politik secara mendadak.

Rancangan itu bagaimanapun gagal kerana dipatahkan oleh tsunami politik yang berlaku, tambahna hari ini seperti laporan Bernama.

"Tsunami politik" merujuk pada ketewasan besar-besaran BN sehingga hilang lima negeri dan juga gagal mempertahankan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat pada pilihanraya Sabtu lepas.

Zainuddin tidak menyebut nama kumpulan, individu atau modus operandi "golongan muda yang cuba mengambil alih pucuk kepimpinan negara secara terurus dan terancang menerusi pilihanraya umum" dalam dakwaannya itu.

khairy jamaludin 00Bagaimanapun, menantu Perdana Menteri, Khairy Jamaluddin dipercayai sedang membariskan bakat-bakat baru untuk memastikan sokongannya semakin kuat dalam Pemuda Umno apabila lebih 40 peratus calon BN baru-baru ini terdiri daripada pergerakan itu.

Penyusunan barisan pemimpin baru ini penting sebagai persiapan pemilihan Pemuda yang diadakan serentak dengan pemilihan pucuk pimpinan Umno tahun ini.

Khairy, kini naib ketua Pemuda, disebut-sebut sangat berminat merebut jawatan ketua pergerakan itu.

mahathir mohamad 01Kelmarin mantan perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menjawab ringkas isu kekalahan calon-calon muda BN dengan mengaitkannya dengan Khairy.

"Memang ada khabar-khabar angin bahawa sebahagian calon-calon ini (orang) Khairy dan bahawa dia mahu menjadi perdana menteri," kata Dr Mahathir apabila diminta mengulas tentang calon-calon muda BN yang tewas.

Beliau malah menyalahkan Khairy sebagai punca ketewasan besar BN akibat pengaruhnya pada Perdana Menteri, yang juga pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah hari ini dilaporkan menafikan Khairy mempengaruhinya.

zainuddin maidinBercakap kepada media di Angkasapuri pagi tadi, Zainuddin dilaporkan berkata tsunami politik itu ada hikmahnya kepada Umno dan memberi pengajaran besar kepada kepimpinan negara.

"Setiap tragedi politik yang menimpa Umno dan rakyat, ia membawa hikmah, membuka fikiran dan penggemblengan semula kepimpinan Umno dan kesedaran rakyat bagi muhasabah diri.

"Ia juga untuk meletakkan semula kepimpinan Umno kepada jalan yang dihasratkan oleh

rakyat, sekalipun ia adalah suatu yang amat berat untuk dilakukan," Zainuddin dipetik sebagai berkata.

Zainuddin tewas di kerusi parlimen Sungai Petani. Pada 2004 beliau menang di kerusi Merbok.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/79663>